

BAHASA MELAYU TAHUN 3

A. Fahaman

Baca petikan.

Maafkan Saya Rasyid

Amran seorang murid yang nakal. Dia suka membuli murid-murid di sekolahnya. Sudah banyak kali dia dimarahi dan didenda oleh gurunya. Namun, dia masih belum insaf.

Amran sangat bongkak. Oleh sebab badannya besar, kebanyakan murid takut akan dia. Mereka terpaksa menuruti kata-katanya kerana tidak mahu dibuli.

Rasyid merupakan kawan sekelas Amran. Walaupun badannya kecil tetapi dia berani. Dia sering menasihati Amran supaya mengubah tingkah lakunya. Amran tidak menyukai Rasyid. Pada suatu hari, Amran telah mencabut rantai basikal Rasyid.

"Ha....ha.... lain kali jangan suka menyibuk hal orang lain. Basikal sendiri pun tidak pandai dijaga, ada hati hendak menasihati orang," kata Amran sambil ketawa. Rasyid tidak mpedulikan kata-kata Amran. Sebaliknya, dia segera membetulkan rantai basikalnya itu,

Setelah puas ketawa, Amran meninggalkan Rasyid. Dia mengayuh basikal selaju-lajunya. Setelah membaiki basikalnya, Rasyid pun pulang. Semasa dalam perjalanan, dia ternampak Amran sedang mengerang kesakitan di tepi jalan. Rupa-rupanya, Amran terjatuh.

Rasyid segera memberikan bantuan. Dia memapah Amran dan membalut lututnya yang berdarah, sikap Rasyid yang baik hati dan tidak berdendam itu telah menyedarkan Amran.

A. Jawab soalan-soalan faham di bawah secara berayat.

1. Siapakah Amran?

2. Kenapa murid terpaksa menurut kata-kata Amran?

3. Siapakah yang sering menasihati Amran?

4. Apakah yang Rasyid nampak semasa dalam perjalanan balik?

5. Jika kamu menjadi Rasyid, adakah kamu akan menolong Amran?

6. Tuliskan **Sinonim (Kata Berlawanan)** bagi perkataan di bawah ini.

a. Bongkak = _____

b. Menuruti = _____

c. Dijaga = _____

d. Bantuan = _____